Hasil sorotan ke atas isu kesediaan guru aliran perdana dalam Pendidikan Inklusif merumuskan bahawa terdapat jurang atau *gap* permasalahan kajian sebagaimana yang ditunjukkan dalam **Jadual 1.2** berikut.

Jadual 1.2

Jurang Atau Gap Permasalahan Kajian

No	Penulis/Tajuk/ Tahun/ Tempat Terbit/Jenis Penerbitan	Dapatan Kajian	Metodologi/ Instrumen/Sampel	Jurang/Gap
1	Nirmala (2021) Tahap <i>Kesediaan Guru Arus Perdana Terhadap Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif: Tinjauan di Sekolah Menengah di Daerah Gombak</i>	Walaubagaimanapun, masih terdapat guru yang memiliki kesediaan pengetahuan sederhana tentang MBPK disebabkan kurangnya pendedahan dan latihan mengurus MBPK di arus perdana.	Kajian ini menggunakan metod kuantitatif, soalselidik dijadikan sebagai asas mengumpulkan data kajian, n =76 guru aliran perdana sekolah menengah.	Kajian ini hanya memfokuskan kepada empat elemen kesediaan iaitu pengetahuan, kemahiran mengajar, sikap dan persepsi guru sahaja, sedangkan aspek interaksi sosial guru tidak diberi perhatian lagi.
2	Myronova et al., (2021) <i>Current Problems of Teachers' Readiness of Higher educational Institutions for Implementing Inclusive Education</i>	Guru kurang kefahaman asas Pendidikan Inklusif serta keperluan MBPK, prejudis terhadap MBPK dan penghargaan sendiri rendah memerlukan satu bentuk pembangunan kaedah menanganinya.	Kajian ini menggunakan metod gabungan kuantitatif dan kualitatif soal selidik dijadikan sebagai asas mengumpulkan data kajian, n =214 dan soalan temu bual dijadikan sokongan data kajian.	Kesediaan Pendidikan inklusif guru /Kompetensi inklusif (motivasi,kognitif,refleksi,operasional) diberi perhatian namun interaksi sosial guru tidak dimasukkan dalam kajian ini.
3	Nur Hidayah (2020) <i>Tahap Kesediaan Guru Mengajar Pelajar Kurang Upaya (OKU) di</i>	Tahap kesediaan guru dalam pedagogi tinggi namun terdapat guru yang kurang bersedia berkomunikasi dengan MBPK yang mengalami kecacatan bahasa dan	Kajian ini menggunakan method kuantitatif, soal selidik dijadikan sebagai asas mengumpulkan data kajian, n =76 guru	Petunjuk bahawa kajian ke atas amalan interaksi sosial guru perlu dipandang serius bilamana





No	Penulis/Tajuk/ Tahun/ Tempat Terbit/Jenis Penerbitan	Dapatan Kajian	Metodologi/ Instrumen/Sampel	Jurang/Gap
	<i>Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV)</i>	kelewatan perkembangan bahasa.	sekolah menengah vokasional.	masih terdapat guru yang tidak bersedia berkomunikasi dengan MBPK.
4	Moosa et al., (2020) <i>Assessing Teacher Readiness for Inclusive Education in Maldives: Instrument Modification and Validation</i>	Melibatkan dua fasa untuk menguji kesediaan guru iaitu Fasa 1 (kesahan konstruk skala kesediaan) dan Fasa 2 (ujian kesahan dimensi, kebolehpercayaan, konvergen dan diskriminasi) yang saling menyokong antara satu sama lain. Justeru, instrumen ini boleh dipercayai dan sah untuk digunakan untuk menilai kesediaan guru Pendidikan Inklusif di Maldives.	Penyelidikan kuantitatif ini menggunakan soal selidik ke atas 628 orang guru.	Keterbatasan membuat kajian lebih mendalam ke atas amalan interaksi sosial guru kerana kajian ini menguji kesediaan guru dari aspek sikap, empati, pengetahuan dan kemahiran mengajar.



Justeru atas sebab kewujudan jurang sebegini, pelaksanaan Program Pendidikan

Inklusif khususnya secara sepenuh masa masih belum mencapai tahap pelaksanaan menyeluruh berikutan peserta kajian didapati sekadar menempatkan murid bermasalah pembelajaran ringan di arus perdana (Noor Aini Ahmad, 2016). Hasil kajian ini bertentang dengan kajian oleh Stanovich (2022) yang mendapati berlaku pendekatan silang di dalam kelas Pendidikan Inklusif. Murid diajar sepenuhnya oleh guru aliran perdana malah mereka dibantu oleh guru Pendidikan Khas atau Pembantu Murid dalam pengajaran bersama.

Berikutan dengan isu ini, pengkaji berpendapat perlunya perancangan idea mewujudkan satu model interaksi sosial yang sesuai diamalkan oleh guru aliran perdana yang terlibat dalam Pendidikan Inklusif sebagai panduan untuk melancarkan pengurusan pengajaran di sekolah serta tidak memberi tekanan buat guru-guru yang





boleh mengundang simptom stress berlebihan atau *burn out* kelak (Nordin Mohd Norazmi et al., 2020). Kewujudan model yang sesuai dan berkesan untuk diamalkan diharapkan dapat mengoptimalkan motivasi dan penghargaan sendiri guru aliran perdana yang mengajar MBK di arus perdana (Shuib Saadiah et al., 2020). Menyahut saranan Lin et al., (2021) berhubung potensi penemuan faktor lain menerusi kajian pelaksanaan Program Inklusif secara kualitatif, pengkaji menampilkan kajian berfokus kepada amalan interaksi sosial pengajaran Pendidikan Inklusif dalam kalangan guru aliran perdana sekolah menengah di Malaysia. Tambahan pula, Jalinah Makantal, Mariani Md Nor (2020) turut mencadangkan agar penyelidik meneroka aspek yang melibatkan interaksi sosial guru dan kanak-kanak dalam aktiviti main bebas. Mengambil kira kajian empirikal lepas, pengkaji memulakan langkah awal sebagai penyelidik kualitatif kajian kes.



1.4 Tujuan Kajian

Kajian kualitatif ini dijalankan bertujuan untuk meneroka amalan terbaik dalam persediaan, cabaran dan strategi pelaksanaan interaksi sosial dalam pengajaran di kalangan guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif peringkat sekolah menengah di Selangor dan rasionalnya. Ia bertujuan memastikan guru aliran perdana yang berkecukupan sahaja mengajar murid berkeperluan pendidikan khas di arus perdana yang bakal menduduki peperiksaan awam seperti Ujian Akhir Standard Akademik (UASA) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).





1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk mencapai tiga objektif kajian yang berikut:

- 1.5.1 Menilai kesediaan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif di sekolah menengah.
- 1.5.2 Meneroka cabaran yang mempengaruhi amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif di sekolah menengah.
- 1.5.3 Mengaplikasi strategi untuk menangani cabaran interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif di sekolah menengah.



1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan tujuan dan objektif, kajian ini dijalankan bagi mencapai tiga persoalan kajian berikut:

- 1.6.1 Bagaimanakah kesediaan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif di sekolah menengah?
- 1.6.2 Apakah cabaran yang mempengaruhi amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif di sekolah menengah?
- 1.6.3 Bagaimanakah strategi untuk menangani cabaran interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif di sekolah menengah?




1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual ialah rangka yang menggambarkan keseluruhan kajian yang dibuat (Darusalam Ghazali & Hussin Sufean, 2020). Ia bertujuan menerangkan beberapa elemen penting yang menjadi asas kepada pencapaian tujuan dan objektif kajian ini. Ia menjadi panduan pengkaji sepanjang proses kajian dijalankan, agar bertepatan dengan sasaran yang ditetapkan dari awal. Pengkaji telah melakukan pencarian, pembacaan dan penelitian ke atas kajian literatur lepas serta buku-buku berkaitan kajian bagi mengumpul maklumat yang mewakili setiap elemen dalam kerangka konsep. Berdasarkan tinjauan literatur, teori serta model yang disandarkan, satu kerangka konseptual kajian dibina seperti **Rajah 1.1**.

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual





Kajian ini melibatkan dua pemboleh ubah utama iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar diwakili oleh kesediaan guru, cabaran guru dan strategi guru yang digunakan bagi menghadapi cabaran. Manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula ialah interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif. Teori yang disandarkan dalam kajian ini adalah Teori Pembelajaran Sosial Vygotsky (1929) dan Teori Pembelajaran Kognitif Piaget (1896).

Keduanya saling berinteraksi dalam mempengaruhi pemboleh ubah tidak bersandar pertama iaitu kesediaan guru aliran perdana dari aspek pengetahuan, sikap dan persepsi guru aliran perdana itu sendiri (L.S.Vygotsky, 1997). Selain itu, teori-teori ini turut memberi gambaran ke atas pemboleh ubah tidak bersandar kedua iaitu cabaran-cabaran yang muncul sepanjang proses pembelajaran sosial guru berlaku. Skop cabaran yang mempengaruhi amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana melibatkan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), murid tipikal, ibu bapa, rakan sekerja dan pengetua selaku pentadbir sekolah.

Sementara itu, Model Pengajaran Sosial Hamre (2013) pula dilihat dalam pemboleh ubah tidak bersandar ketiga iaitu strategi guru dari aspek pengajaran guru dan pembelajaran guru menerusi Komuniti Pembelajaran Professional (KPP). Keupayaan guru mengenalpasti pelaksanaan strategi yang sesuai mengikut tahap dan keperluan MBPK menjadi penanda aras kepada tahap kompetensi guru (diri, profesion dan sosial) sebagaimana yang terkandung dalam Standard Guru Malaysia iaitu Standard 1. Guru yang menguasai ketiga-tiga standard berkenaan merupakan guru yang memenuhi aspirasi pendidikan negara (Cecelia Intang & M.Sharif Sabariah, 2019). Ketiga-tiga pemboleh ubah tidak bersandar ini digunakan dalam kajian ini bagi melihat





perkaitannya dengan pemboleh ubah bersandar kajian ini iaitu interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana dalam Pendidikan Inklusif.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif di sekolah menengah belum dibuat oleh mana-mana pengkaji tempatan hingga kini. Justeru, dengan bersandarkan kepada gabungan Teori Behaviorisme iaitu Teori Pembelajaran Sosial Vygotsky (1929) dan Teori Kognitif Piaget (1896) di samping melibatkan penggunaan satu model iaitu Model Pengajaran Sosial Hamre (2013) pengkaji dapat menghasilkan sebuah karya pelaporan penyelidikan baharu dari lensa Pendidikan Inklusif berfokuskan amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana.

Model Pengajaran Sosial Hamre ini memiliki tiga elemen utama menerusi kewujudan sokongan emosi, pengurusan bilik darjah dan sokongan instruksional. Ketiga-tiga elemen ini memberi impak berbeza sekiranya dilaksanakan oleh agen pelaksana (guru) yang berbeza. Guru berpengetahuan, berkemahiran serta berpengalaman amat sinonim dengan guru senior sewajarnya lebih arif mengendalikan ketiga elemen berkenaan berbanding guru novis. Hal ini bakal diterjemah dari dapatan kajian yang diperoleh pengkaji kelak. Malah ketiga elemen ini amat sepadan dengan elemen pengajaran sosial tempatan tanpa menolak nilai-nilai murni yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan di Malaysia (Sam et al., 2014).





Seterusnya, dapatan kajian ini dapat memberi sumbangan bermakna kepada pelbagai pemegang taruh khasnya dalam Pendidikan Inklusif (Hishamudin A et al., 2020). Kajian mengenai amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana diharap dapat memberi manfaat kepada murid, guru, sekolah, penyelidik, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebagaimana berikut:

1.8.1 Murid

Kemahiran sosial boleh dilihat daripada tingkah laku bekerjasama, berdikari, persahabatan, tindak balas terhadap sesuatu aktiviti dan melakukan perkara yang diharap oleh orang dewasa (Mohamad Salleh et al., 2018). Pernyataan ini disokong oleh (Haris & Khairuddin, 2021b) di mana terdapat peningkatan dari segi kemahiran sosial murid seperti sudah yakin untuk bersosial dalam ahli kumpulan, bertanggungjawab dalam diri, berdikari dalam menguruskan kehidupan. Oleh itu, kajian ini membolehkan MBPK khasnya mendapat manfaat dari strategi pengajaran guru aliran perdana menerusi amalan interaksi guru aliran perdana ke atas MBPK di arus perdana (Molback, 2018).

1.8.2 Guru Aliran Perdana

Kajian ini diharap dapat membantu guru aliran perdana meningkatkan pengetahuan guru aliran perdana tentang Pendidikan Inklusif. Kajian yang dijalankan Ibrahim





Rohaizat (2019) menyatakan tidak terdapat perbezaan di antara tahap pengetahuan guru senior dengan guru *novis*. Kajian ini disokong oleh Lin et al. (2021) mendapati tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap Program Pendidikan Inklusif berada pada tahap sederhana walaupun terdapat guru berpengalaman melebihi 10 tahun. Interaksi harian di antara guru dan murid membina jurang di antara guru dan murid mengikut kekerapan. Justeru, tindakan memahami dan mengenal pasti ciri-ciri interaksi dalam sebuah hubungan diperlukan. Ini menunjukkan tempoh masa mengajar yang lama seseorang guru belum menjamin pengetahuan dan kemahiran interaksi guru (Pennings et al., 2018; Lin et al, 2021).

1.8.3 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)



Kajian ini amat penting kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dalam merancang serta membangunkan satu bentuk latihan meningkatkan interaksi sosial serta kemahiran komunikasi guru di peringkat daerah. Seterusnya, pihak PPD wajar membentuk satu kumpulan mentor atas saranan dari pengetua terlibat untuk melantik mereka yang terpilih sebagai mentor untuk menjalani latihan intensif di peringkat negeri sebelum dibenarkan kembali ke daerah masing-masing untuk melatih guru mengajar MBPK di arus perdana (W. Md Rasidi et al., 2020). Usaha kolaboratif di antara PPD dan JPN membolehkan ciri-ciri pemilihan mentor dibuat dengan kesepakatan dan persetujuan dari kedua-dua belah pihak.





1.8.4 Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)

Sebagai sebuah agensi tertinggi di sebuah negeri, Jabatan Pelajaran Negeri berperanan penting dalam memastikan usaha kolaboratif dan komunikasi berlangsung secara aktif dan positif. Kesemua wakil mentor di setiap daerah perlu disenarai pendekkan untuk diberi latihan intensif dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam aspek komunikasi dan sosial guru mentor agar pemilihan Jurulatih Utama (JU) Pendidikan Inklusif menepati ciri kompetensi dalam Standard Guru Malaysia. Selain itu, penilaian ketat perlu dibuat secara lebih berhati-hati agar calon mentor yang terpilih dapat mengikuti semua bentuk pembelajaran dan latihan dengan lebih komited (Kanesan Abdullah Abdul Ghani et al., 2019).



1.8.5 Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Sejajar dengan keperluan dan hasrat KPM, hasil kajian ini dapat menyumbang kepada pengukuhan matlamat sasaran KPM untuk meningkatkan enrolmen MBPK di Program Pendidikan Inklusif sebanyak 30% menjelang 2025. Berdasarkan sasaran KPM sehingga tahun 2023, sejumlah 18,949 orang MBPK daripada 116,049 orang MBPK telah mengikuti Program Pendidikan Inklusif. Terdapat peningkatan peratusan enrolmen MBPK sebanyak 8.89% pada tahun 2023 berbanding 2.74% pada tahun 2022. Ianya selaras dengan Dasar Penolakan Sifar yang telah melalui proses penambahbaikan secara agresif pada tahun 2019 (Maarof & Jalaluluddin, 2019). Hasil kajian ini juga dapat menyumbang kepada penyelidikan di peringkat KPM, terutamanya dalam mengenal pasti pengalaman interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana di





arus perdana. Seterusnya, kajian ini dapat memberikan implikasi kepada perancangan dan pembentukan aktiviti peringkat tertinggi yang menghimpunkan wakil JU negeri di seluruh negara untuk berkongsi kepakaran dan pengetahuan dalam amalan interaksi sosial terbaik guru aliran perdana di sekolah.

1.9 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji memahami bahawa tidak semua perkara yang dapat pengkaji laporkan. Hal ini terjadi berikutan pengkaji terikat dengan keterbatasan dengan mengambil kira realiti kajian serta impak juga sumbangan kajian. Pengkaji akur dan sedar kewujudan keterbatasan dan had sempadan dalam kajian ini. Namun, pengkaji positif dalam memberi tumpuan tentang apa yang kajian akan cuba capai dan apa yang kajian tidak dapat capai. Dengan erti kata lain, ia akan menggariskan setakat mana dapatan kajian akan memberi sumbangan ke atas pemahaman serta pengetahuan dalam bidang yang dikaji. Reka bentuk kajian ini memiliki keterbatasan dari aspek berikut :

1.9.1 Tajuk Kajian

Tajuk kajian ini dibataskan kepada amalan interaksi sosial pengajaran Pendidikan Inklusif dalam kalangan guru aliran perdana sekolah menengah di Malaysia.



1.9.2 Skop Kajian

Kajian ini terbatas kepada skop penerokaan ke atas hanya satu kes sahaja iaitu amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana. Malah, batasan skop kajian ini membantu pengkaji mencari sebanyak mungkin data yang kaya dengan maklumat di samping mampu memberi makna bagi menjawab semua persoalan kajian. Pengkaji memberi tumpuan ke atas dua teori yang relevan dengan kajian iaitu Teori Pembelajaran Sosial oleh Vygotsky (1929) dan Teori Pembelajaran Kognitif Piaget (1896).

Pengkaji menemui pelbagai kajian literatur namun disebabkan ingin mendapatkan gambaran lebih terperinci dan mendalam tentang satu kes ini tanpa melibatkan teori-teori yang lain kurang memberi impak dalam menjawab ke semua persoalan kajian ini kelak. Kajian ini memberi fokus kepada amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif yang melibatkan aspek kesediaan guru aliran perdana, cabaran yang dihadapi guru serta strategi yang digunakan guru bagi menangani cabaran dalam interaksi sosial guru aliran perdana itu sahaja.

1.9.3 Metodologi

Kajian ini memiliki keterbatasan dari aspek metodologi kajian, sampel kajian yang dipilih, lokasi kajian bagi tujuan menghadkan perluasan kajian. Justeru, untuk mencapai tujuan tersebut, kajian kualitatif jenis kajian kes tunggal ini hanya



menggunakan instrumen temu bual semi berstruktur, senarai semak pemerhatian tidak turut serta dan senarai semak dokumen (Yin, 2014). Dengan keterbatasan ini, pengkaji dapat memberi perhatian secara rapi, mendalam dan terperinci ke atas semua sumber data yang menggunakan kaedah pengumpulan data berlainan (temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen).

1.9.4 Sampel

Pemilihan sampel atau peserta kajian dalam kajian ini dibataskan kepada guru aliran perdana sekolah menengah yang mengajar MBPK yang mengikuti Program Inklusif Penuh sahaja, Bagi mendapatkan data bersifat deskriptif, dengan saiz sampel sepuluh orang guru aliran perdana dipilih secara persampelan bertujuan di sebuah sekolah menengah harian di Selangor.

1.9.5 Lokasi Kajian

Selangor dipilih sebagai lokasi kajian berikutan bilangan enrolmen MBPK yang tinggi sejak 2016 hingga kini berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. MBPK yang mengikuti Pendidikan Inklusif terdiri dari kluster rendah, menengah dan tingkatan enam. Lokasi kajian ini dibataskan kepada daerah Sepang, Selangor atas justifikasi berikut:

- i) status sekolah yang dipilih adalah sekolah Amanah.



- ii) bilangan MBPK yang menyertai Pendidikan Inklusif rendah.
- iii) pencapaian MBPK arus perdana kurang memuaskan.
- iv) penekanan pelaksanaan Pendidikan Inklusif rendah.
- v) ketiadaan guru *resos*.

Oleh yang demikian, dapatan dari kajian ini tidak dapat digeneralisasikan ke atas semua sekolah menengah yang menjalankan Pendidikan Inklusif di seluruh Malaysia. Justeru, kajian lanjutan menggunakan metod penyelidikan berbeza diperlukan bagi menambah baik dapatan kajian.

1.9.6 Tema Dan Kategori

Batasan tema dan kategori dalam kajian ini mencakupi aspek-aspek berikut:

- i) Tema kesediaan
Kategori : Sokongan emosi, pengurusan bilik darjah, galakkan dan sokongan sosial.
- ii) Tema cabaran
Kategori : Kefahaman guru, kekangan PdPc, penglibatan murid, keterbatasan sokongan sosial.
- iii) Tema strategi
Kategori : Kepelbagaian pendekatan, keberkesanan pedagogi, penambahbaikan pedagogi, peluang interaksi.



1.9.7 Etika Penyelidikan Kualitatif

Pengkaji terikat dengan etika penyelidikan di mana pengkaji perlu menghadiri bengkel etika anjuran RMIC, UPSI. Setelah itu, pengkaji perlu menghantar dokumen untuk diproses bagi mendapatkan surat kelulusan menjalankan kajian. Surat ini disertakan sekali sewaktu pengkaji membuat permohonan ke EPRD. Setelah mendapat kelulusan dari EPRD, pengkaji perlu mengemukakan permohonan menjalankan kajian ke JPN seterusnya surat kelulusan JPN dihantar ke PPD.

Surat kelulusan dari PPD diserahkan kepada pengetua dan peserta kajian. Fasa ini adalah fasa penentuan di mana pengkaji perlu mendapatkan persetujuan dari peserta kajian terpilih dengan mematuhi semua syarat yang dipersetujui antara pengkaji dan peserta kajian (Darusalam Ghazali & Hussin Sufean, 2020). Pengkaji turut memastikan peserta kajian tidak terbeban dengan sebarang masalah disebabkan penglibatannya dalam penyelidikan (Matthew et al., 1994).

Keterbatasan dalam kajian, memberi satu kelebihan kepada pengkaji untuk memberi fokus kepada pelaksanaan skop kajian mengikut kerangka konseptual yang telah ditetapkan. Kajian ini dijalankan hanya untuk mendeskripsikan amalan interaksi sosial guru aliran perdana yang mengajar MBPK di arus perdana sekolah menengah harian di Selangor dan bukan bertujuan membuktikan atau menidakkan sebarang teori yang sedia ada.





1.10 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pengkaji menggariskan beberapa istilah penting mengikut konteks kajian ini. Istilah yang menjadi fokus dalam kajian ini adalah seperti (a) amalan (b) interaksi sosial, (c) guru aliran perdana, (d) Pendidikan Inklusif (e) Pendidikan Inklusif Penuh (f) sekolah menengah, (g) Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Makna bagi semua istilah tersebut dihuraikan berdasarkan konteks objektif kajian ini, iaitu kesediaan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif sekolah menengah, cabaran yang mempengaruhi amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif di sekolah menengah dan strategi yang digunakan untuk menangani cabaran interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif di sekolah menengah. Berikut adalah penjelasan makna bagi setiap istilah yang digunakan dalam kajian ini.



1.10.1 Amalan

Amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan dan sebagainya) sebagai suatu kebiasaan. Kajian oleh Jaafar et al., (2017) mengemukakan maksud amalan di mana ia melibatkan aspek perlindungan hak ke atas pekerja OKU. Ia termasuklah layanan di tempat kerja, fasiliti, peluang perjawatan, beban kerja, kadar upah serta peluang kenaikan pangkat yang ditawarkan oleh organisasi. Sementara Mohamad Norisin et al., (2021) menjelaskan bahawa amalan merupakan suatu usaha berterusan dilaksanakan untuk tujuan penambahbaikan organisasi. Bagi mencapai tujuan berkenaan penglibatan dan kerjasama bersifat kolaboratif di kalangan komuniti





sekolah secara konsisten diperlukan dalam jangka panjang (Hord, 1997) .Dalam kajian ini, amalan pengajaran guru aliran perdana turut meneroka aspek hak MBPK mendapatkan akses pendidikan dalam Pendidikan Inklusif di arus perdana yang dilakukan secara rutin atau kebiasaannya.

1.10.2 Interaksi Sosial

Menurut Vygotsky (1929) menerusi Teori Pembelajaran Sosial, interaksi sosial adalah pembelajaran asas dan perkembangan kognitif. Biarpun interaksi yang berlaku di antara guru dan murid, guru dan ibu bapa, guru dengan pengetua, guru dengan kumpulan individu yang lain, semua aktiviti mahupun proses belajar mengajar disebut sebagai interaksi sosial (Mohd Nor, 2021). Interaksi sosial merupakan interaksi di antara individu yang menjadi asas dalam proses interaksi diri sendiri dengan individu lain sama ada berlaku dalam semua kitaran organisasi sosial atau proses sosial yang lain (Hartmann, 2018). Dalam bidang sosiologi, interaksi adalah pertukaran sosial di antara dua atau lebih individu yang dibezakan mengikut jenis iaitu tidak sengaja, berulang, teratur dan terkawal yang menjadi asas pembinaan sebuah struktur sosial (Boundless, 2021). Justeru, kajian ini cenderung memberi penekanan ke atas amalan interaksi sosial guru aliran perdana dengan MBPK bersama pelajar tipikal lain di dalam satu kelas. Ia bertujuan bagi melihat reaksi tingkah laku guru aliran perdana dan murid semasa proses pengajaran berlangsung.



1.10.3 Guru Aliran Perdana

Guru aliran perdana merupakan agen utama dalam kajian ini. Guru aliran perdana terpilih tidak memiliki sebarang kelayakan khusus pendidikan khas bagi mengajar MBPK namun diberi tanggungjawab mengajar murid inklusif di aliran perdana bersama pelajar tipikal lain dalam kelas yang sama (Hishamudin A et al., 2020). Malaysia kini mempunyai lebih 410,000 guru di seluruh negara dan menjadi salah satu nisbah guru kepada murid terendah di dunia iaitu pada nisbah 13:1 berbanding nisbah di Singapura 16:1, diikuti Korea Selatan 20:1 dan OECD 16:1 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Namun, bilangan guru yang terlibat dalam Program Pendidikan Inklusif di seluruh negara bagi semua peringkat pendidikan sejumlah tidak dinyatakan dalam Buku Data Pendidikan Khas Tahun 2022 kecuali bilangan guru pendidikan khas berjumlah 15,937 orang guru (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2022).



1.10.4 Pendidikan Inklusif (PI)

Pengkaji menjalankan kajian dalam skop Pendidikan Inklusif (PI) di mana PI di Malaysia yang dilaksanakan di peringkat rendah, menengah dan lepasan menengah. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) mentakrifkan Program Pendidikan Inklusif (PPI) sebagai program pendidikan bagi MBPK yang dihadiri oleh MBPK bersama-sama murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan pada peringkat prasekolah, rendah, menengah dan lepasan menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Pendidikan Inklusif bermaksud pendidikan yang diberikan kepada MBPK yang





ditempatkan di dalam arus perdana dan belajar bersama-sama murid-murid tipikal di dalam kelas yang sama serta diajar oleh guru arus perdana (Hodgson, 2017) menggunakan Kurikulum Kebangsaan. Terdapat dua pendekatan PPI yang diamalkan di Malaysia iaitu inklusif penuh dan inklusif separa (M R Norfishah, 2017). Ia membuka peluang MBPK menonjolkan potensi sendiri mengikut keupayaan mereka.

1.10.5 Pendidikan Inklusif Penuh (PIP)

Isu kesediaan guru aliran perdana menjadi teras kepada kajian ini di mana pengkaji meneroka sejauh mana interaksi sosial guru aliran perdana yang mengajar Pendidikan Inklusif Penuh di sekolah menengah ke atas pencapaian MBPK. Pengkaji memilih membuat kajian ke atas inklusif penuh di mana guru aliran perdana terpilih mengajar MBPK yang ditempatkan dalam satu kelas yang sama untuk belajar bersama-sama murid arus perdana secara sepenuh masa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a).

MBPK juga turut mengikuti pembelajaran bagi semua mata pelajaran akademik berasaskan kurikulum kebangsaan atau kurikulum kebangsaan yang diubah suai (Hishamudin A et al., 2020; M R Norfishah, 2017). Mereka turut terlibat dalam aktiviti kokurikulum sebagaimana murid arus perdana yang lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Kajian ini turut melihat kesinambungan Program Pendidikan Inklusif penuh di sekolah rendah hingga lepasan menengah dari aspek pelaksanaan interaksi sosial guru-guru aliran perdana dalam pengajaran guru khasnya.





1.10.6 Sekolah Menengah

Dalam kajian ini pengkaji merujuk kepada dua buah sekolah menengah di Selangor di mana sebuah sekolah menengah akan terlibat di dalam kajian rintis dan sebuah sekolah lagi akan terlibat dalam kajian sebenar. Peringkat pendidikan bermula dari peringkat prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah. Sejurus menamatkan peringkat sekolah rendah, murid akan ke peringkat menengah bagi meneruskan pembelajaran (Hodgson, 2017). Malah kenyataan ini disokong oleh Hishamudin A et al., (2020) di mana Pendidikan Inklusif di Malaysia bermula dari peringkat prasekolah sehingga peringkat menengah. Program pendidikan bagi MBPK bersifat relevan dan sesuai dengan kebolehan masing-masing (Amin Mohd Norliah & Yasin, 2016b).



Ia membuka peluang MBPK untuk berdikari selain memastikan MBPK yang berpotensi diberi peluang untuk ditempatkan secara inklusif di dalam kelas arus perdana selaras dengan prinsip pendidikan untuk semua. Dasar pendidikan rendah dan menengah bermatlamat memastikan murid memiliki kemahiran berfikir kritis, kreatif, inovatif, memiliki jati diri kenegaraan yang mantap selain menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa utama iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

1.10.7 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)

Dalam konteks kajian ini, pengkaji melihat amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana ke atas Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang





mengikuti inklusif penuh dalam kelas biasa bersama pelajar tipikal yang lain. Tahar Mohd Mokhtar & Najib Farhana (2019) mendefinisikan murid berkeperluan khas sebagai murid yang memiliki masalah intelek di mana mereka mempunyai daya pemikiran yang lemah, dan bermasalah dalam pembelajaran. Hal ini disokong oleh Khalil (2023) di mana MBPK memiliki masalah kecerdasan otak yang tidak selari dengan usia biologikal mereka. Justeru, mereka sukar menerima serta memproses maklumat yang diperolehi dengan tepat.

Merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas diistilahkan sebagai kanak-kanak yang diperakukan oleh pengamal perubatan, pakar optik, pakar audiologi atau pakar psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan sama ada dalam sektor kerajaan atau tidak sebagai murid yang memiliki ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal dan masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan dan masalah yang dinyatakan. Ianya turut disandarkan dalam definisi oleh Norfisah Mat Robi (2017) iaitu murid berkeperluan khas terdiri daripada murid BL (Penglihatan), DE (Pendengaran), SD (*Sindrom Down*), PH (Fizikal), LD (Masalah Pembelajaran) dan MD (Pelbagai) berdasarkan pengelasan KPM.

Rumusan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini dirumuskan dalam **Jadual 1.3**.



**Jadual 1.3***Definisi Operasional*

Istilah	Definisi
Amalan	Sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan dan sebagainya) sebagai suatu kebiasaan atau rutin.
Interaksi Sosial	Interaksi diri sendiri dengan individu lain sama ada berlaku dalam semua kitaran organisasi sosial.
Guru Aliran Perdana	Berperanan mengajar MBPK di aliran perdana bersama pelajar tipikal lain dalam kelas yang sama
Pendidikan Inklusif	Program pendidikan bagi MBPK yang dihadiri oleh MBPK bersama-sama murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.
Pendidikan Inklusif Penuh	MBPK berdaftar di aliran perdana mengikuti pembelajaran yang diajar guru aliran perdana dalam kelas yang sama bersama murid tipikal sepenuhnya.
Sekolah Menengah	Peringkat menengah bagi meneruskan pembelajaran setelah tamat peringkat rendah.
Murid Berkeperluan Pendidikan Khas	Memiliki mana-mana salah satu kategori atau gabungan mana-mana kategori masalah intelek di mana mereka mempunyai daya pemikiran yang lemah, dan bermasalah dalam pembelajaran.

1.11 Rumusan

Bab ini membincangkan latar belakang, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasional kajian. Kesimpulannya kajian ini memberi gambaran awal aspek penting kajian ini selain dari memudahkan kefahaman terhadap penggunaan istilah yang terdapat dalam kajian ini. Seterusnya Bab 2 berikut membincangkan kajian literatur yang mengandungi sub-sub topik seperti: teori-teori dan model kajian yang berkaitan, tema dan kategori serta sub-subnya, kajian-kajian lepas dalam dan luar negara, serta ditutup dengan membuat rumusan Bab 2.

